

Pidato martabatkan bahasa Melayu

KOSMO 11/01/14 MS 13.

Oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM
amir.azam@kosmo.com.my

KEMAMAN - Pertandingan Pidato iMalaysia yang memasuki tahun ketiga mampu memperkasa dan memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat negara ini.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari berkata, Pertandingan Pidato iMalaysia itu merupakan inisiatif baik dalam usaha untuk memperkasa penggunaan bahasa kebangsaan khususnya kepada golongan bukan Melayu.

“Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya merasa bangga kerana memiliki bahasa kebangsaan sendiri apatah lagi bahasa adalah jiwa bangsa.

“Sungguhpun, pada era kini bahasa Inggeris begitu kukuh, bahasa Melayu tetap ampuh mencorak ritmanya tersendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Pertandingan Akhir Pidato iMalaysia 2013 di Dewan Berlian Majlis Perbandaran Kemaman di sini semalam.

Hadir sama ialah Timbalan Pengerah Penerangan Strategik Jabatan Penerangan Malaysia, Datuk Poziyah Abdul Rahman.



JAILANI (kanan) menyampaikan piala kepada Linggatharani pada pertandingan akhir Pidato iMalaysia Peringkat Kebangsaan 2013 di Kemaman, Terengganu Ahad lepas.

Dalam pertandingan akhir itu, peserta mewakili Terengganu, Linggatharani Kesavan, 22, muncul johan dengan membawa pulang hadiah tunai RM3,000 berserta piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan.

Naib johan pula dirangkul peserta Kelantan, Wee Vii Vian, 18, dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, piala iringan dan sijil penyertaan.

Pemidato dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Leong Shun Yan, 19, memenangi tempat ketiga membawa wang tunai RM1,500, piala iringan dan sijil penyertaan.

Jailani menambah, bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu di pelbagai bidang dan jurusan.

Katanya, ia juga mampu menjadi bahasa komunikasi yang bertindak sebagai pembina per-



LINGGATHARANI (tengah) diapit Vii Vian (kiri) dan Shung Yan selepas dumumkan sebagai pemenang pada pertandingan Pidato iMalaysia.

paduan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum.

“Inisiatif yang dilakukan Jabatan Penerangan merupakan kesinambungan usaha dan komitmen kerajaan terus memartabatkan bahasa kebangsaan dalam pelbagai bidang.

“Aktiviti pidato atau pun pengucapan awam merupakan saluran yang baik bagi meluahkan pendapat disokong dengan asas-asas pengujahan kukuh

serta logik,” ujarnya.

Selain itu, beliau memberitahu, aktiviti pidato berupaya menajamkan fikiran seseorang individu dan membantu membentuk budaya berfikir dalam kalangan rakyat.

Beliau berharap penganjuran program ini akan menjadi pencetus kepada usaha melahirkan lebih ramai generasi muda khususnya dalam kalangan bukan Melayu mahir berpidato.

Kemenangan Linggatharani tebus kekecewaan tahun lalu

KEMAMAN - Pemandato negeri Terengganu, Linggatharani Kesavan, 22, dinobatkan sebagai johan Pertandingan Akhir Pidato IMalaysia 2013 yang diadakan di Dewan Berlian Majlis Perbandaran Kemaman baru-baru ini.

Kemenangan Linggatharani dalam pertandingan kali ini menyaksikan dia berjaya menebus kekecewaan dua tahun lalu apabila hanya memperoleh hadiah suguhati.

Kejayaan penuntut Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Datuk Razali, Batu Rakit, Kuala Terengganu itu membolehkan dia membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 berserta piala pusingan dan iringan.

Memilih tajuk *Budaya Kecemerlangan Tonggak Kejayaan Bangsa*, Linggatharani yang berasal dari Pulau Pinang menewaskan lima peserta lain dalam peringkat akhir.

Anak kepada pasangan guru Bahasa Melayu dan Sejarah di pulau mutiara itu, berkata, dia berpuas hati dengan kejayaannya setelah dua kali menyertai pertandingan anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (JPM) itu.

"Dengan persiapan yang dilakukan sejak lebih lima bulan lalu, saya amat berpuas hati apabila dinobatkan sebagai johan walaupun tidak menjangka sama sekali.



LINGGATHARANI ketika menyampaikan pidatonya.

"Saya juga merasakan penganjuran kali ini amat baik sekali dan harus diteruskan pada masa depan terutamanya dalam memartabatkan penggunaan bahasa Melayu di kalangan bukan Melayu," ujarnya.

Pada pertandingan itu, turut berkongsi kejayaan ialah pelajar IPG Ipoh, Perak, Wee Vii Vian, 18, berasal dari Tumpat, Kelantan yang memenangi tempat kedua manakala tempat ketiga diperoleh

pemandato dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Leong Shung Yan, 19.

Masing-masing menerima wang tunai RM2,000 dan RM1,000 beserta piala iringan dan sijil penyertaan yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari serta Timbalan Pengarah Penerangan Strategik JPM, Datuk Poziah Abdullah Rahman.



SEORANG peserta Mohd. Lukman Al Hakim Low Abdullah menyampaikan pidato pada peringkat separuh akhir.

Pertandingan tarik minat bukan Melayu

KEMAMAN - Pertandingan Pidato IMalaysia berjaya mencatat peningkatan dalam penyertaan pada tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarah Penerangan Strategik Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, Datuk Poziah A.Rahman berkata, sebanyak 389 penyertaan diperoleh dalam pertandingan memasuki tahun ketiga itu.

"Pertandingan yang dibuka kepada peserta bukan Melayu berusia 18 tahun ke atas ini menerima penyertaan daripada pelbagai kaum dari seluruh negara.

"Kaum India mencatat penyertaan tertinggi iaitu sebanyak 173, Cina (161) manakala lain-lain (55)," katanya.

Poziah menambah, peserta pertandingan terdiri daripada pelbagai latarbelakang termasuk guru dan jururawat.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, pertandingan tersebut merupakan salah satu medium menyebarkan Gagasan IMalaysia.

Katanya, ia juga dapat membudayakan penggunaan bahasa kebangsaan dan mengukuhkan semangat perpaduan serta rasa kecintaan kepada negara.